PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.0% pada suku kedua

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.0% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 4.2%). Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan (6.1%; S1 2016: 4.5%), dan menyumbang kepada pengembangan berterusan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan telah terjejas oleh kemerosotan berterusan dalam eksport bersih dan pengeluaran stok yang besar. Meskipun prestasi eksport benar lebih baik (1.0%; S1 2016: -0.5%), disebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap produk perkilangan, namun import benar meningkat pada kadar yang lebih pantas iaitu 2.0% (S1 2016: 1.3%), disebabkan pertumbuhan import barangan modal dan pengantara yang lebih baik. Oleh itu, eksport bersih terus mencatat pertumbuhan negatif pada suku kedua, walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu -7.0% (S1 2016: -12.4%). Pengeluaran stok disebabkan oleh pengeluaran pertanian dan produk perkilangan yang lebih rendah. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan 0.7% (S1 2016: 1.0%).

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri berkembang 6.3% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 3.6%), dengan pertumbuhan perbelanjaan sektor swasta lebih kukuh pada 6.1% (S1 2016: 4.5%). **Penggunaan swasta** meningkat 6.3% (S1 2016: 5.3%), disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam upah dan guna tenaga serta pendapatan boleh guna tambahan berikutan langkah-langkah yang dilaksanakan Kerajaan. Pertumbuhan **pelaburan swasta** lebih tinggi pada 5.6% pada suku kedua (S1 2016: 2.2%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan berikutan keyakinan perniagaan yang bertambah baik.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan Tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri						
Agregat (tidak termasuk stok)	91.6	4.6	6.3	3.6	6.3	5.0
Sektor Swasta	69.2	5.7	7.6	4.5	6.1	5.4
Penggunaan	*52.4*	*6.4*	*7.7*	*5.3*	*6.3*	*5.8*
Pelaburan	*16.9*	*3.9*	*7.4*	*2.2*	*5.6*	*4.0*
Sektor Awam	22.4	0.9	1.8	0.4	6.9	3.6
Penggunaan	*13.5*	*6.9*	*5.6*	*3.8*	*6.5*	*5.2*
Pelaburan	*8.9*	*-8.1*	*-3.7*	*-4.5*	*7.5*	*1.1*
Eksport Bersih	8.6	-11.1	-10.5	-12.4	-7.0	-9.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.9*	*-4.0*	*-2.4*	*-0.5*	*1.0*	*0.2*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*64.3*	*-3.1*	*-1.1*	*1.3*	*2.0*	*1.6*
KDNK	**100.0**[1]	**4.9**	**5.3**	**4.2**	**4.0**	**4.1**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**0.9**	**-**	**1.0**	**0.7**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk cari gali mineral, penyelidikan & pembangunan, dll
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan awam mencatat pertumbuhan lebih kukuh pada 6.5% (S1 2016: 3.8%), hasil daripada peningkatan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan. **Pelaburan awam** kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif 7.5% (S1 2016: -4.5%), didorong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk harta tetap oleh Kerajaan Persekutuan dan perbadanan awam.

Dari segi jumlah pelaburan, **pembentukan modal tetap kasar (PMTK)** mencatat pengembangan lebih pantas pada 6.1% (S1 2016: 0.1%), disokong oleh pelaburan awam dan swasta.

Dari segi jenis aset, perbelanjaan modal yang lebih tinggi adalah disebabkan pemulihan pelaburan dalam jentera dan kelengkapan (8.1%; S1 2016: -7.1%) serta pelaburan yang berterusan untuk struktur (5.9% ; 2016: 5.7%).

Sektor ekonomi utama terus berkembang

Dari segi penawaran, semua sektor terus berkembang, kecuali sektor pertanian. Pertumbuhan sektor perkhidmatan yang lebih tinggi disokong terutamanya oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih kukuh, manakala bagi sektor perkilangan, disokong oleh kelompok elektronik dan elektrik. Pertumbuhan sektor pembinaan lebih teguh dengan subsektor kejuruteraan awam sebagai penyumbang utama. Prestasi sektor perlombongan bertambah baik, disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli pada suku tersebut. Pertumbuhan sektor pertanian merosot akibat kesan tertangguh El Niño ke atas pengeluaran minyak sawit mentah.

Sektor perkhidmatan berkembang pada kadar lebih tinggi sebanyak 5.7% pada suku kedua (S1 2016: 5.1%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih kukuh. Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.7% (S1 2016: 5.2%), sejajar dengan penggunaan swasta yang bertambah baik. Dalam subsektor maklumat dan komunikasi, pertumbuhan terus teguh (8.8%; S1 2016: 8.5%), didorong oleh permintaan yang terus kukuh untuk perkhidmatan komunikasi data. Pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans bertambah baik kepada 1.6% (S1 2016: 0.1%), hasil daripada premium yang lebih tinggi dalam segmen insurans. Pengembangan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan disebabkan terutamanya oleh perkhidmatan profesional dalam segmen perkhidmatan perniagaan, manakala pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan disumbangkan oleh aktiviti perjalanan dan perdagangan.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan	53.5	5.0	5.7	5.1	5.7	5.4
Perkilangan	23.0	4.2	4.9	4.5	4.1	4.3
Perlombongan	9.0	6.0	7.8	0.3	2.6	1.4
Pertanian	8.9	4.6	0.3	-3.8	-7.9	-6.0
Pembinaan	4.4	5.6	7.6	7.9	8.8	8.4
KDNK Benar	**100.0[1]**	**4.9**	**5.3**	**4.2**	**4.0**	**4.1**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**0.9**	**-**	**1.0**	**0.7**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**38.1**	**4.8**	**5.2**	**4.7**	**5.5**	**5.1**
Kewangan & insurans	12.9	0.2	1.0	0.1	1.6	0.8
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	8.0	6.2	6.8	6.4	6.8	6.6
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	5.4	5.5	5.8	5.9	5.8
Maklumat & komunikasi	10.6	9.3	9.4	8.5	8.8	8.7
Perkhidmatan Akhir	**61.9**	**5.1**	**5.9**	**5.4**	**5.8**	**5.6**
Perdagangan borong & runcit	27.4	5.8	7.8	5.2	6.6	5.9
Makanan & minuman dan penginapan	5.2	6.6	6.9	6.2	6.9	6.6
Utiliti	4.8	3.9	3.8	6.7	5.4	6.1
Perkhidmatan Kerajaan	16.3	4.0	3.9	5.3	4.9	5.1
Perkhidmatan lain	8.2	4.7	4.7	4.6	4.4	4.5
Jumlah Perkhidmatan	**100.0[1]**	**5.0**	**5.7**	**5.1**	**5.7**	**5.4**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2015		2016		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	71.7	72.2	72.9	78.5	75.7
Indeks Perdagangan Runcit MIER	76.8	81.1	65.9	105.0	85.5
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	84.7	92.7	93.0	99.5	96.3
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	1.6	0.4	3.8	2.8[1]	3.4[2]
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	2.7	2.7	1.9	1.8	1.8
Jumlah pinjaman terkumpul	9.1	9.1	6.4	5.6	5.6
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	8.2	8.2	7.0	5.2	5.2
Import barangan penggunaan	25.4	15.2	24.6	9.9	16.4
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-11.2	-3.3	-22.0	-6.3	-14.5
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	6.0	9.3	6.3	5.1	5.7

[1] Apr-Mei 2016
[2] Jan-Mei 2016

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S1	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah Keseluruhan (pada harga malar tahun 2010)	**100.0**	**4.2**	**4.9**	**4.5**	**4.1**	**4.3**
Industri berorientasikan eksport	63.6	4.1	5.5	4.5	7.0	5.8
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	36.4	4.5	3.8	4.6	-0.4	1.8
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**4.1**	**4.8**	**4.3**	**3.9**	**4.1**
Industri berorientasikan eksport	**77.6**	**4.3**	**4.7**	**4.2**	**4.2**	**4.2**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**25.0**	**4.8**	**7.6**	**5.9**	**8.5**	**7.3**
Antaranya:						
Elektronik	15.3	-6.1	-3.3	6.0	9.8	7.9
Keluaran elektrik	7.6	37.7	39.0	6.4	7.8	7.1
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**52.6**	**4.0**	**3.1**	**3.2**	**1.8**	**2.5**
Antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	14.3	5.5	7.6	3.3	4.9	4.1
Keluaran petroleum	21.0	0.9	1.5	1.2	5.0	3.0
Keluaran getah	2.5	7.6	3.1	6.9	4.7	5.7
Pemprosesan di luar estet	6.4	7.3	-5.9	2.7	-21.5	-11.6
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**22.4**	**3.5**	**5.4**	**4.6**	**2.8**	**3.7**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**2.8**	**4.8**	**4.9**	**5.0**	**5.0**
Antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	2.9	5.4	4.7	4.5	4.6
Keluaran logam yang direka	3.1	2.8	3.7	5.4	5.9	5.6
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**11.1**	**4.1**	**6.1**	**4.2**	**0.9**	**2.5**
Antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	5.5	6.0	7.4	2.0	-7.4	-3.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	5.4	1.7	4.5	7.3	13.0	10.1

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan berkembang 4.1% pada suku kedua (S1 2016: 4.5%). Pertumbuhan industri berorientasikan eksport mendapat manfaat terutamanya daripada peningkatan pengeluaran separa konduktor dan produk berkaitan petrokimia. Sementara itu, industri berorientasikan pasaran dalam negeri disokong oleh pengeluaran makanan dan minuman serta bahan berkaitan pembinaan yang mampan. Sebaliknya, pengeluaran kenderaan bermotor kekal lembap.

Sektor pembinaan berkembang 8.8% pada suku kedua (S1 2016: 7.9%), didorong oleh subsektor kejuruteraan awam. *Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam* yang lebih kukuh disokong projek-projek berkaitan petrokimia, pengangkutan dan utiliti. Pertumbuhan subsektor perdagangan khas juga mampan, disokong kerja-kerja awal pembinaan seperti pembersihan tapak dan pemasangan cerucuk. Pertumbuhan subsektor kediaman lebih pantas pada suku tersebut, mencerminkan aktiviti pembinaan yang lebih giat bagi projek perumahan mampu milik dan mewah. Dalam subsektor bukan kediaman, pertumbuhan terus lemah berikutan aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam harta tanah komersial, khususnya segmen ruang pejabat.

Pertumbuhan **sektor pertanian** merosot 7.9% (S1 2016: -3.8%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dua angka dalam pengeluaran minyak sawit berikutan kesan tertangguh El Niño ke atas kadar hasil pengeluaran. Prestasi sektor perlombongan bertambah baik (2.6%; S1 2016: 0.3%), hasil daripada peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli, khususnya di Sabah.

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**100**	**4.6**	**0.3**	**-3.8**	**-7.9**	**-6.0**
Tanaman Industri	**61.0**	**6.0**	**-1.6**	**-9.2**	**-16.3**	**-13.1**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	46.9	10.5	-0.4	-10.0	-19.3	-15.2
Getah	7.2	-4.7	1.0	-13.0	-4.5	-9.7
Tanaman Makanan	**39.0**	**2.5**	**3.2**	**3.5**	**5.3**	**4.4**
Antaranya:						
Perikanan	10.7	-0.2	2.2	-2.1	6.6	2.0
Ternakan	10.7	3.1	3.7	5.0	4.9	4.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2015		2016		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**6.0**	**7.8**	**0.3**	**2.6**	**1.4**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	13.7	17.0	-0.3	0.6	0.2
Gas asli	-2.3	-1.8	0.0	3.9	1.9
Perlombongan lain dan perkhidmatan sokongan	10.7	12.5	6.5	8.6	7.6

Sumber:Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan yang siap	100.0	8.2	11.6	11.1	11.7	11.4
Bukan kediaman	34.0	15.5	19.8	3.8	2.1	3.0
Kediaman	29.4	7.8	13.5	8.4	12.5	10.4
Kejuruteraan awam	31.8	1.5	2.9	21.3	21.6	21.4
Pertukangan khas[1]	4.7	7.4	5.7	17.3	13.5	15.4
Kelulusan perumahan		-16.0	-19.5	-22.1	-36.6	-30.8
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan		2.8	4.8	4.9	5.0	5.0
Simen hidraulik		12.8	16.3	-7.9	-8.1	-8.0
Produk porselin dan seramik lain		21.6	26.1	0.7	7.1	4.0
Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l		4.9	12.6	-8.9	9.1	-0.2
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan		-6.4	-9.9	21.7	21.1	21.4
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)		-2.8	3.9	-8.1	2.9	-2.7
Pinjaman kepada sektor pembinaan						
Kelulusan		46.0	35.4	0.4	-14.1	-8.5
Pengeluaran		5.7	4.4	-2.8	5.4	1.1

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan menurun pada suku kedua 2016

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.9% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 3.4%) disebabkan terutamanya oleh luputnya kesan daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan pada bulan April 2015. Penurunan inflasi dicatat oleh kesemua dua belas kategori IHP. Kategori *pengangkutan* mencatat penurunan inflasi terbesar kepada -6.6% pada suku kedua (S1 2016: -1.6%) disebabkan terutamanya oleh kesan asas daripada harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi pada tempoh yang sama tahun lepas. Harga purata petrol RON95 ialah RM1.70 seliter pada suku kedua 2016, lebih rendah daripada harga purata RM1.98 seliter pada suku kedua 2015.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot 2.1% pada suku kedua 2016 (S1 2016: -4.4%). Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh harga bahan pengantara yang lebih rendah, khususnya kategori *bahan api dan minyak pelincir yang diproses*, mencerminkan persekitaran harga tenaga dan komoditi dunia yang kekal rendah pada suku kedua.

Pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja terus stabil pada suku kedua. Guna tenaga meningkat pada suku itu apabila mencatat pertambahan bersih yang sederhana sebanyak 66,000 pekerjaan[1]. Pertambahan ini hampir sama dengan peningkatan tenaga kerja sepanjang tempoh itu. Oleh itu, kadar pengangguran tidak berubah pada 3.4% daripada jumlah tenaga kerja (S1 2016: 3.4%). Penyertaan tenaga kerja adalah mampan pada 67.6% daripada jumlah tenaga kerja (S1 2016: 67.6%). Jumlah jawatan baharu yang diiklankan oleh majikan di JobStreet.com pada 66,088 jawatan menunjukkan bahawa permintaan terhadap pekerja baharu adalah berterusan (S1 2016: 61,378).

Penunjuk Pasaran Pekerja*



* Data Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) bagi S1 2015 dan seterusnya mencerminkan anggaran penduduk semasa baharu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

ᵃ Awalan
ˢ Semakan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Harga Pengguna

Kategori	Wajaran (%) (2010=100)	S1 2016	S2 2016
		Pertumbuhan tahunan, %	
Jumlah	**100**	**3.4**	**1.9**
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.2	4.6	4.2
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	3.0	2.5
Pengangkutan	13.7	-1.6	-6.6
Lain-lain	32.3	4.8	2.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[1] Berdasarkan data awalan.

Penunjuk upah menunjukkan pertumbuhan upah yang berterusan dalam sektor ekonomi utama. Dalam subsektor perkhidmatan perdagangan edaran[2], pertumbuhan upah lebih kukuh pada 5.3% (S1 2016: 4.6%), manakala pertumbuhan guna tenaga lebih tinggi sedikit pada 3% (S1 2016: 2.5%). Agregat upah dalam sektor perkilangan juga terus meningkat dengan memuaskan sebanyak 5% (S1 2016: 6.9%) disokong oleh pertumbuhan upah yang tinggi dalam sektor berorientasikan eksport, terutamanya kelompok elektrik dan elektronik (E&E), petrokimia dan tekstil. Namun, pertumbuhan guna tenaga dalam sektor tersebut menurun sedikit (-0.1%; S1 2016:-0.5%), kerana pengeluar masih berhati-hati terhadap prospek permintaan.

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**-3.7**	**-3.1**	**1.0**	**1.4**	**1.2**
Perkilangan	80.2	2.3	1.2	6.4	4.8	5.6
E&E	*35.6*	*3.1*	*4.9*	*3.6*	*3.5*	*3.5*
Bukan E&E	*44.6*	*1.6*	*-1.5*	*8.7*	*5.7*	*7.2*
Berasaskan sumber	*22.3*	*-5.5*	*-8.9*	*1.6*	*6.4*	*4.1*
Bukan berasaskan sumber	*22.3*	*9.8*	*7.3*	*16.2*	*5.1*	*10.3*
Komoditi	19.2	-23.0	-16.8	-18.3	-13.7	-16.2
Mineral	*10.6*	*-36.0*	*-21.6*	*-32.5*	*-24.4*	*-29.2*
Pertanian	*8.6*	*-2.7*	*-9.3*	*6.5*	*-2.9*	*1.5*
Import Kasar	**100.0**	**-5.2**	**-2.6**	**-0.4**	**3.1**	**1.4**
Barangan pengantara	58.2	-4.6	-1.0	-3.1	-0.3	-1.7
Barangan modal	14.0	-12.5	-2.5	-12.9	10.2	-1.9
Barangan penggunaan	9.1	25.4	15.2	24.6	9.9	16.4
Lain-lain (termasuk eksport semula dan barangan dua kegunaan	18.7	-12.9	-13.9	8.7	5.3	7.0
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**20.4**	**41.7**	**23.9**	**17.9**	**41.8**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Kedudukan luaran terus kukuh pada suku kedua, meskipun lebihan akaun semasa yang lebih kecil

Pada suku kedua 2016, lebihan **akaun semasa** mengecil kepada RM1.9 bilion, bersamaan dengan 0.6% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) (S1 2016: RM5.0 bilion atau 1.8% daripada PNK). Lebihan akaun semasa yang mengecil disebabkan terutamanya oleh lebihan perdagangan yang berkurang, pembayaran penerimaan pendapatan pelaburan yang lebih tinggi oleh pelabur asing di Malaysia dan kiriman wang ke luar negeri oleh pekerja asing di Malaysia.

Pada suku kedua 2016, eksport kasar mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 1.4% (S1 2016: 1.0%), didorong terutamanya oleh kemerosotan lebih kecil dalam pertumbuhan eksport komoditi yang mengimbangi pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih perlahan. Import kasar mencatat pertumbuhan positif sebanyak 3.1% (S1 2016: -0.4%), mencerminkan terutamanya import barangan modal yang lebih tinggi, penurunan lebih rendah dalam import pengantaraan dalam keadaan peningkatan import penggunaan yang lebih sederhana. Berikutan itu, lebihan perdagangan lebih rendah pada RM17.9 bilion (S1 2016: RM23.9 bilion).

Imbangan Pembayaran[1]

	2015		2016		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Akaun Semasa	**8.1**	**19.5**	**5.0**	**1.9**	**6.9**
(% daripada PNK)	*2.9*	*3.5*	*1.8*	*0.6*	*1.2*
Barangan	23.6	51.3	23.5	19.8	43.3
Perkhidmatan	-5.0	-8.5	-6.8	-4.6	-11.5
Pendapatan primer	-4.6	-12.3	-6.7	-8.2	-14.9
Pendapatan sekunder	-5.9	-11.0	-4.9	-5.1	-10.0
Akaun Kewangan	**5.7**	**-24.1**	**5.8**	**9.5**	**15.3**
Pelaburan langsung	0.7	-0.8	3.7	5.3	9.0
Aset	*-17.6*	*-27.5*	*-11.2*	*-3.8*	*-15.0*
Liabiliti	*18.2*	*26.8*	*14.9*	*9.1*	*24.1*
Pelaburan portfolio	-11.8	-19.7	13.1	0.1	13.2
Aset	*-8.1*	*-15.4*	*-5.9*	*-4.7*	*-10.6*
Liabiliti	*-3.7*	*-4.3*	*19.0*	*4.8*	*23.8*
Derivatif kewangan	-0.4	-0.4	0.5	0.0	0.5
Pelaburan lain	17.3	-3.2	-11.5	4.1	-7.4
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-4.3	-1.5	-38.4	-2.7	-41.1
Imbangan Keseluruhan	**8.5**	**-7.2**	**-27.6**	**8.8**	**-18.8**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa hasil daripada penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasikan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Subsektor perkhidmatan perdagangan edaran terdiri daripada subsektor perdagangan borong dan runcit, serta kenderaan bermotor.

Eksport komoditi mencatat kemerosotan lebih kecil pada suku kedua, disebabkan terutamanya oleh permintaan lebih tinggi untuk LNG dan getah dan kenaikan harga komoditi ini. Pertumbuhan lebih perlahan dalam eksport perkilangan disebabkan terutamanya oleh pengembangan eksport keluaran perkilangan bukan berasaskan sumber yang lebih sederhana dalam keadaan pertumbuhan eksport E&E yang mampan. Selepas beberapa suku tahun mencatat pertumbuhan yang kukuh, pertumbuhan eksport perkilangan bukan berasaskan sumber seperti jentera, kelengkapan dan peralatan, serta keluaran logam menurun pada suku kedua 2016. Walau bagaimanapun, eksport separa konduktor lebih baik sejajar dengan pengeluaran lebih tinggi, lantas menyokong pertumbuhan eksport E&E.

Dari segi destinasi, eksport ke rakan perdagangan utama, terutamanya RR China dan EU, merosot pada suku itu. Eksport ke RR China menurun berikutan permintaan lebih rendah untuk keluaran logam dan petroleum. Eksport ke EU turut merosot disebabkan terutamanya oleh eksport produk E&E, serta jentera, kelengkapan dan peralatan yang lebih perlahan. Namun, kemerosotan ini diimbangi oleh prestasi eksport lebih kukuh ke AS dalam keadaan permintaan berterusan untuk keluaran E&E, terutamanya separa konduktor. Permintaan lebih tinggi untuk LNG juga sedikit sebanyak menyokong peningkatan eksport ke Jepun.

Import kasar mencatat pertumbuhan positif sebanyak 3.1% pada suku kedua (S1 2016: -0.4%), disokong terutamanya oleh import barangan modal dan peralatan pengangkutan yang lebih tinggi seiring dengan aktiviti pelaburan yang meningkat. Pertumbuhan import penggunaan yang kukuh juga menyumbang kepada pertumbuhan import kasar berikutan permintaan yang berterusan untuk import barangan pengguna separuh tahan lama dan tidak tahan lama. Import barangan pengantara mencatat kemerosotan lebih kecil, seiring dengan prestasi eksport perkilangan yang lebih sederhana.

Defisit akaun perkhidmatan lebih kecil pada RM4.6 bilion (S1 2016: defisit sebanyak RM6.8 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran bersih yang lebih rendah untuk *perkhidmatan pembinaan* susulan kemudahan minyak dan gas yang telah siap, *perkhidmatan telekomunikasi*, *komputer dan maklumat*, serta *perkhidmatan peribadi*, *kebudayaan dan rekreasi* kerana pemerolehan kandungan media dan hiburan asing yang lebih rendah. Sementara itu, lebihan perjalanan bersih lebih tinggi dicatat pada suku kedua 2016

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Kesatuan Eropah (EU)	**10.1**	**4.4**	**3.1**	**7.9**	**-0.1**	**3.8**
Jepun	**9.5**	**-26.6**	**-14.1**	**-20.6**	**-8.4**	**-15.7**
Amerika Syarikat	**9.4**	**4.0**	**9.1**	**13.1**	**17.4**	**15.3**
ASEAN[1]	**28.1**	**-0.8**	**-1.6**	**6.5**	**5.4**	**6.0**
Timur Laut Asia	**24.0**	**2.1**	**-2.5**	**-4.3**	**-9.6**	**-7.1**
Republik Rakyat China	*13.0*	*17.1*	*1.9*	*1.3*	*-16.6*	*-8.7*
Hong Kong SAR	*4.7*	*-8.0*	*-1.0*	*-3.2*	*2.8*	*-0.2*
Korea	*3.2*	*-14.9*	*-11.8*	*-13.7*	*0.4*	*-7.9*
China Taipei	*3.0*	*-16.2*	*-10.6*	*-15.1*	*-7.1*	*-10.9*
Asia Barat[2]	**2.8**	**-10.1**	**-9.0**	**5.2**	**5.6**	**5.4**
India	**4.1**	**-2.9**	**3.9**	**3.0**	**-1.1**	**0.9**
Jumlah eksport	**100.0**	**-3.7**	**-3.1**	**1.0**	**1.4**	**1.2**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan Laos
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yaman dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

disebabkan terutamanya oleh pembayaran lebih rendah untuk perjalanan ke luar negeri dalam keadaan penerimaan lebih tinggi daripada ketibaan pelancong.

Defisit akaun pendapatan primer meningkat kepada RM8.2 bilion (S1 2016: defisit sebanyak RM6.7 bilion), disebabkan terutamanya oleh pendapatan terakru yang lebih tinggi kepada pelabur asing di Malaysia apabila keuntungan lebih tinggi dicatat pada suku kedua (RM18.1 bilion; S1 2016: RM14.1 bilion). Ini lebih daripada mengimbangi peningkatan pendapatan yang dijana oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri (RM11.3 bilion; S1 2016: RM9.0 bilion). Pada suku kedua, syarikat pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan melaporkan keuntungan yang besar berikutan permintaan lebih tinggi dan harga komoditi yang lebih baik berbanding dengan suku pertama 2016. Yang penting, syarikat FDI terus mengekalkan sebahagian pendapatan pelaburan untuk dilabur semula di Malaysia.

Pembayaran bersih dalam akaun pendapatan sekunder secara amnya mampan pada RM5.1 bilion pada suku kedua 2016 (S1 2016: pembayaran bersih RM4.9 bilion), disebabkan terutamanya oleh kiriman wang lebih banyak oleh pekerja asing untuk perayaan Hari Raya.

Pada suku kedua 2016, **akaun kewangan** mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM9.5 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih RM5.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran masuk bersih pelaburan langsung dan akaun pelaburan lain.

Akaun **pelaburan langsung** mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM5.3 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM3.7 bilion), apabila tanggungan liabiliti pelaburan langsung terus melebihi pengumpulan aset pelaburan langsung.

Dari segi aset, pelaburan langsung keluar berjumlah RM3.8 bilion (S1 2016: aliran keluar bersih RM11.2 bilion). Daripada jumlah ini, **Pelaburan Langsung Luar Negeri** (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia menyusut kepada RM3.5 bilion (S1 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM11.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti lebih rendah dan pemberian pinjaman kepada anak syarikat di luar negeri. Sejumlah besar daripada DIA disalurkan kepada syarikat dalam sektor perkhidmatan, iaitu subsektor kewangan dan insurans, rekreasi dan utiliti serta disusuli oleh pelaburan dalam sektor perlombongan.

Dari segi liabiliti, pelaburan langsung masuk berjumlah RM9.1 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih RM14.9 bilion). Daripada jumlah ini, FDI menurun kepada RM8.8 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih RM15.0 bilion), disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti lebih rendah oleh syarikat multinasional dalam operasi mereka di Malaysia. Aliran masuk FDI sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor perkilangan, terutamanya industri elektrik dan elektronik, dan sebahagiannya dalam industri petrokimia. FDI turut disalurkan kepada sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor harta tanah dan maklumat dan telekomunikasi.

Pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin mencatat aliran masuk bersih lebih rendah sebanyak RM4.8 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih RM19.0 bilion). Pada suku kedua, terdapat pelupusan bersih sekuriti ekuiti apabila sentimen pelabur terjejas oleh ketidakpastian tentang pendirian dasar monetari AS, ketidaktentuan dalam harga minyak mentah global dan penurunan wajaran Malaysia dalam Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun. Walau bagaimanapun, pelupusan ekuiti lebih daripada mengimbangi pembelian sekuriti hutang yang lebih tinggi, apabila pencarian berterusan kadar hasil oleh pelabur pendapatan tetap bukan pemastautin menyebabkan permintaan yang kukuh untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) serta terbitan Sukuk Global Wakala dalam denominasi mata wang asing oleh Kerajaan Persekutuan. Sementara itu,

pelaburan portfolio oleh pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM4.7 bilion (S1 2016: aliran keluar bersih RM5.9 bilion), disebabkan terutamanya oleh pemerolehan berterusan aset kewangan asing oleh bank dan pelabur institusi domestik. Secara keseluruhan, pelaburan portfolio pemastautin dan bukan pemastautin mencatat aliran masuk bersih yang sedikit iaitu RM77 juta (S1 2016: aliran masuk bersih RM13.1 bilion).

Akaun **pelaburan lain** kembali pulih untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM4.1 billion (S1 2016: aliran keluar bersih RM11.5 bilion). Aliran masuk sebahagian besarnya disebabkan oleh penghantaran balik penempatan antara bank luar negeri oleh bank Malaysia berikutan kematangan dana serta penempatan bersih deposit antara bank oleh institusi kewangan bukan pemastautin dalam sistem perbankan domestik. Sementara itu, sektor awam mencatat aliran keluar bersih, disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh syarikat awam.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM8.8 bilion pada suku pertama (S1 2016: defisit sebanyak RM 27.6 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E & O) berjumlah –RM2.7 bilion atau -0.8% daripada jumlah perdagangan, kebanyakannya mencerminkan perubahan penilaian semula pertukaran asing dalam rizab antarabangsa ekoran pengukuhan kebanyakan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku tersebut.

Hutang Luar Negeri Terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM848.2 billion, bersamaan dengan USD209.0 billion atau 69.0% daripada KDNK pada akhir bulan Jun 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM809.1 bilion atau USD 203.7 bilion, bersamaan dengan 65.8% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi disebabkan oleh ambilan peminjaman luar negeri dan pemegangan sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin pada suku itu dan juga kesan penilaian berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding ringgit.

Penyusutan nilai ringgit sebahagian besarnya memberikan kesan kepada jumlah peminjaman luar pesisir terkumpul yang meningkat sebanyak 6.3% kepada RM466.7 bilion pada akhir bulan Jun 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM439.0 bilion). Namun, kesan perubahan penilaian kadar pertukaran terhadap peminjaman luar pesisir terurus kerana peminjaman oleh syarikat, iaitu syarikat awam dan swasta bukan bank sebahagian besarnya dilindung nilai, sama ada secara lazim menerusi perolehan mata wang asing, atau melalui penggunaan instrumen kewangan. Pada akhir bulan Jun, peminjaman luar pesisir kekal rendah pada 38.0% daripada KDNK berbanding dengan 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) pada tahun 1997-98.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2015	2016	
	akhir-Jun	akhir-Mac	akhir-Jun
	RM bilion		
Peminjaman luar pesisir[1]	429.0	439.0	466.7
Bersamaan dengan USD bilion	*112.5*	*110.5*	*115.0*
Jangka sederhana dan panjang	*251.7*	*271.8*	*288.4*
Sektor awam	119.4	117.0	121.7
Sektor swasta	132.3	154.8	166.7
Jangka pendek	*177.3*	*167.1*	*178.4*
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	209.2	223.9	232.3
Jangka sederhana dan panjang	*186.4*	*197.8*	*215.8*
Jangka pendek	*22.8*	*26.1*	*16.5*
Deposit bukan pemastautin	84.2	78.8	77.3
Lain-lain[2]	69.6	67.5	71.9
Jangka sederhana dan panjang	*58.6*	*11.4*	*11.0*
Jangka pendek	*11.0*	*56.1*	*60.9*
Jumlah hutang luar negeri	**791.9**	**809.1**	**848.2**
Bersamaan dengan USD bilion	*207.7*	*203.7*	*209.0*
Hutang Luar Negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	68.4	65.8	69.0
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	43.3	40.6	39.3
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	1.2	1.2	1.2[5]
Hutang Luar Negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	37.1	35.7	38.0
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	41.3	38.1	38.2
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	2.2	2.3	2.2[5]

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada pinjaman dalam mata wang asing diperoleh, serta bon dan nota terbitan luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan sekuriti hutang domestik jangka pendek oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin, kredit perdagangan jangka pendek dan lain-lain.
[4] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 Julai 2016.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Tidak termasuk perubahan penilaian pertukaran asing, peminjaman luar pesisir meningkat 4.1% pada suku kedua. Ini sebahagiannya mencerminkan terbitan Sukuk Global Wakala sebanyak USD1.5 bilion oleh Kerajaan Persekutuan, dengan hasilnya digunakan untuk menebus Sukuk Global Wakala terbitan terdahulu sebanyak USD1.2 bilion yang matang pada bulan Julai 2016 dan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Terdapat ambilan bersih peminjaman antara bank, terutamanya bagi tujuan pembiayaan, pengurusan mudah tunai dan pelaburan. Di samping itu, terdapat terbitan bersih bon mata wang asing dan ambilan pinjaman luar pesisir jangka panjang oleh bank sebahagiannya untuk mempelbagaikan struktur kematangan pendanaan masing-masing. Sementara itu, syarikat swasta bukan bank juga mencatat ambilan bersih pinjaman antara syarikat pada suku tersebut.

Pemegangan sekuriti hutang domestik dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin meningkat sebanyak RM8.4 bilion kepada RM232.3 bilion (akhir bulan Mac 2016: RM223.9 bilion). Sebahagian besar perolehan adalah dalam sekuriti hutang domestik Kerajaan Persekutuan, iaitu MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Persekutuan. Secara lebih khusus, pemegangan bon Kerajaan Persekutuan oleh bukan pemastautin meningkat kepada 34.1% daripada nilai terkumpul atau RM209.7 bilion pada akhir bulan Julai 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM186.7 bilion). Kebanyakan pelabur ini ialah pelabur jangka panjang, terutamanya pengurus aset, bank-bank pusat dan kumpulan wang simpanan, yang mencerminkan sentimen ekonomi Malaysia yang meningkat. Sebaliknya, pemegangan nota Monetari Bank Negara Malaysia oleh bukan pemastautin terus menyusut kepada RM12.9 bilion pada akhir bulan Jun 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM21.1 bilion).

Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus, dengan lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri terkumpul terdiri daripada hutang jangka sederhana dan jangka panjang (60.7%). Hutang luar negeri jangka pendek lebih rendah sedikit pada suku

Pemegangan Bon Kerajaan Persekutuan oleh Bukan Pemastautin



Sumber: Bank Negara Malaysia

tersebut dan mencakupi hanya 39.3% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan Mac 2016: 40.6%). Rizab antarabangsa memadai untuk membiayai 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek. Kira-kira dua pertiga daripada hutang luar negeri jangka pendek dipegang oleh sektor perbankan, tidak kesemuanya memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa kerana hutang ini sebahagiannya ditampung oleh aset luaran bank yang sepadan. Sebahagian besar daripada baki hutang luar negeri jangka pendek dicakupi oleh kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat. Kredit perdagangan sebahagian besarnya ditampung oleh perolehan eksport, manakala pinjaman antara syarikat secara amnya berdasarkan terma yang fleksibel dan lebih mudah, misalnya tanpa jadual pembayaran balik yang tetap dan kadar faedah sifar atau rendah.

Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM390.4 bilion (bersamaan dengan USD97.2 bilion) pada 30 Jun 2016 (akhir bulan Mac: RM381.5 bilion; USD97.0 bilion). Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing.

Pada 29 Julai 2016, kedudukan rizab berjumlah RM391.1 bilion (bersamaan dengan USD97.3 bilion). Paras rizab antarabangsa kekal

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Paras rizab memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh, jauh lebih tinggi berbanding dengan paras ambang antarabangsa iaitu 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.2 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

Perbelanjaan Kerajaan meningkat

Pada suku kedua 2016, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat 5.8%, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi. Perbelanjaan pembangunan meningkat 43.9% pada asas tahunan (S1 2016: 16.1%) dan disalurkan terutamanya kepada sektor *pengangkutan* dan *perdagangan dan industri*. Perbelanjaan mengurus mencatat kadar pertumbuhan tahunan lebih perlahan iaitu 0.5% (S1 2016: 3.5%), mencerminkan langkah rasionalisasi perbelanjaan Kerajaan, seperti ditunjukkan oleh penurunan ketara *subsidi* dan *pemberian dan serahan*. Hasil menurun 14.0% (S1 2016: -5.3%), disebabkan terutamanya oleh kutipan cukai pendapatan individu yang lebih rendah. Secara

Kewangan Kerajaan Persekutuan



a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2015		2016		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	55.3	106.8	48.8	47.5	96.3
% pertumbuhan tahunan	*4.9*	*4.9*	*-5.3*	*-14.0*	*-9.8*
Perbelanjaan mengurus	51.8	107.3	57.4	52.1	109.5
% pertumbuhan tahunan	*0.2*	*0.3*	*3.5*	*0.5*	*2.1*
Akaun semasa	**3.4**	**-0.5**	**-8.6**	**-4.6**	**-13.2**
% daripada KDNK	***1.2***	***-0.1***	***-2.9***	***-1.5***	***-2.2***
Perbelanjaan pembangunan bersih	7.3	15.1	9.2	10.4	19.6
% pertumbuhan tahunan	*3.5*	*8.3*	*16.1*	*43.9*	*29.4*
Imbangan keseluruhan	**-3.8**	**-15.6**	**-17.7**	**-15.0**	**-32.8**
% daripada KDNK	***-1.4***	***-2.8***	***-6.1***	***-5.0***	***-5.6***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	59.1	122.4	66.5	62.5	129.0
% pertumbuhan tahunan	*0.6*	*1.2*	*5.1*	*5.8*	*5.4*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan[1]					
(pada akhir tempoh)	627.5	627.5	626.9	655.7	655.7
% daripada KDNK	*54.2*	*54.2*	*51.0*	*53.4*	*53.4*
Hutang dalam negeri	429.2	429.2	416.7	424.9	424.9
% daripada KDNK	*37.1*	*37.1*	*33.9*	*34.6*	*34.6*
Hutang luar negeri	198.3	198.3	210.2	230.8	230.8
% daripada KDNK	*17.1*	*17.1*	*17.1*	*18.8*	*18.8*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*179.5*	*179.5*	*190.2*	*206.2*	*206.2*
% daripada KDNK	*15.5*	*15.5*	*15.5*	*16.8*	*16.8*
Peminjaman luar pesisir	*18.8*	*18.8*	*19.9*	*24.7*	*24.7*
% daripada KDNK	*1.6*	*1.6*	*1.6*	*2.0*	*2.0*

[a] Awalan

[1] Sebahagian daripada hutang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan berjumlah RM21.9 bilion (1.8% daripada anggaran KDNK untuk tahun 2016) telah dipindahkan kepada badan berkanun baharu untuk pinjaman perumahan penjawat awam (Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, LPPSA) mulai tahun 2016

Nota: Mulai suku pertama 2015, tahun asas bagi KDNK telah dikemaskinikan kepada tahun 2010 daripada tahun 2005

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit lebih rendah sebanyak 5.0% daripada KDNK (S1 2016: -6.1% daripada KDNK) pada suku tersebut. Pada akhir bulan Jun 2016, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM655.7 bilion atau 53.4% daripada anggaran KDNK tahun 2016.